

N0. SOALAN: 509

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS(2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]**

SOALAN :

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes perkahwinan bawah umur yang diluluskan oleh Mahkamah Syariah dalam tahun 2016 dan sampai September tahun 2017.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli yang Berhormat, bahawa kuasa berkaitan hal ehwal Islam termasuklah urusan Mahkamah Syariah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang diperuntukkan dalam Butiran 1, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, jumlah kes perkahwinan bawah umur yang diluluskan Mahkamah Syariah bagi negeri-negeri hendaklah dirujuk kepada negeri-negeri berkenaan.

Ingin saya jelaskan, bahawa undang-undang syariah tidak membenarkan perkahwinan di bawah umur bagi orang beragama Islam dilangsung secara bebas tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Mahkamah Syariah atas sebab-sebab yang dibenarkan dan bukan kebenaran secara mutlak. Ini diperuntukan dalam Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri. Misalnya dalam Seksyen 8 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan)1984 (Akta 303) telah memperuntukan, iaitu:

“Tiada suatu perkahwinan boleh diakadnikahkan di bawah Akta ini jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun kecuali jika Hakim Syarie telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan tertentu.”

Bagi menjadikan sesuatu perkahwinan itu diakui sah dan boleh didaftarkan di bawah Akta 303, seksyen 13 memperuntukkan seperti yang berikut :

“Seksyen 13. Persetujuan dikehendaki

Suatu perkahwinan adalah tidak diakui dan tidak boleh didaftarkan di bawah Akta ini melainkan kedua-dua pihak kepada perkahwinan itu telah bersetuju terhadapnya, dan sama ada—

(a) wali pihak perempuan telah bersetuju terhadap perkahwinan itu mengikut Hukum Syarak; atau

(b) Hakim Syarie yang mempunyai bidang kuasa di tempat di mana pihak perempuan itu bermastautin atau seseorang yang

diberi kuasa secara am atau khas bagi maksud itu oleh Hakim Syarie itu telah, selepas penyiasatan wajar di hadapan semua pihak yang berkenaan, memberi persetujuannya terhadap perkahwinan itu oleh wali Raja mengikut Hukum Syarak; persetujuan tersebut boleh diberi jika perempuan tiada mempunyai wali dari nasab mengikut Hukum Syarak atau jika wali tidak dapat ditemui atau jika wali enggan memberikan persetujuannya tanpa sebab yang mencukupi."

Berdasarkan peruntukan di atas, selain daripada mendapatkan kebenaran bertulis daripada Mahkamah Syariah bagi permohonan bernikah di bawah umur, persetujuan pihak-pihak kepada perkahwinan tersebut dan juga persetujuan daripada wali perempuan adalah diperlukan. Justeru, Mahkamah Syariah apabila menerima permohonan kebenaran bernikah di bawah umur akan menyiasat sama ada wujud persetujuan pihak-pihak dan persetujuan wali perempuan terhadap perkahwinan tersebut atau sebaliknya. Mahkamah juga akan menimbangkan faktor-faktor yang boleh menyokong permohonan tersebut. Lazimnya, faktor yang diambil perhatian di dalam siasatan tersebut ialah :

- mengenai kemampuan kewangan untuk menanggung keperluan nafkah;
- keupayaan fizikal dan mental untuk bernikah;
- tahap pengetahuan tugas suami isteri;
- tahap pengetahuan agama; dan
- peluang pengawasan dari pihak wali jika kebenaran pernikahan dibenarkan.

Setelah menimbangkan perkara-perkara tersebut, Mahkamah Syariah mempunyai budi bicara yang diperuntukkan undang-undang untuk memberikan kebenaran atau sebaliknya. Dalam hal ini, Hakim berperanan penting dalam memastikan kebenaran yang diberikan terhadap perkahwinan tersebut adalah wajar dan mematuhi prosedur yang ditetapkan serta selaras dengan hukum Syarak.

Mengenai jumlah bilangan perkahwinan bawah umur, bagi Wilayah Persekutuan, jumlah perkahwinan bawah umur yang diluluskan oleh Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pada tahun 2016 dan sehingga September 2017 adalah sebanyak 53 kes.

Sekian, terima kasih.